

<i>Ruang 1</i>	<i>Ruang 2</i>	<i>Ruang 3</i>	<i>Ruang 4</i>
<i>Lembaga Tatatertib</i>	<i>Pengelasan Pegawai</i>	<i>Bidang Kuasa</i>	<i>Keanggotaan Lembaga Tatatertib</i>

(ii) Seorang Pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri”.

Dated 6 November 2006
[SUK. Tr. 1140/13/5 Bhg. 4; PUN. Tr. (S) 8/06]

A. RAHIM BIN JUSOH
*Secretary of the
State Executive Council
Of Terengganu*

Tr. P.U. 9.

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB PERTAMA)

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI TERENGGANU (PINDAAN) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal LVI Syarat (9A) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama) Raja dalam Mesyuarat dengan ini membuat peraturan-peraturan seperti yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu (Pindaan) 2006**.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2006.

Pindaan Jadual

2. Jadual Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1995 [*Tr. P.U. 6/1996*] digantikan dengan Jadual baru yang berikut—

<i>“Bil.</i>	<i>Kumpulan Perkhidmatan</i>	<i>Lembaga Kenaikan Pangkat</i>	
1.	i. Kumpulan A	Setiausaha Kerajaan Negeri	– Pengerusi
	ii. Gred 41 hingga 54 di bawah Sistem Saraan Malaysia	Pegawai Kewangan Negeri	– Ahli
		Pengarah Tanah dan Galian Negeri	– Ahli
2.	i. Kumpulan B	Pegawai Kewangan Negeri	– Pengerusi
	ii. Gred 27 hingga 40 di bawah Sistem Saraan Malaysia	Pengarah Tanah dan Galian Negeri	– Ahli
		Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan Manusia)	– Ahli
		Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Pengurusan Sumber Manusia)	– Ahli
3.	i. Kumpulan C dan D	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan Manusia)	– Pengerusi
	ii. Gred 1 hingga 26 di bawah Sistem Saraan Malaysia	Ketua Jabatan di mana kekosongan jawatan berlaku atau seseorang Pegawai dalam Kumpulan ‘A’ yang dilantik oleh Setiausaha Kerajaan	– Ahli
		Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Pengurusan Sumber Manusia)	– Ahli

Bertarikh 6 November 2006

[SUK. Tr. 1140/13/5 Bhg. 4; PUN. Tr. (S) 8/06]

A. RAHIM BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Terengganu